



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

PENYERAHAN PROJEK SIAP PUSAT PAKAR PERGIGIAN NEGERI SEMBILAN

SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN - YB Datuk Seri Ahmad bin Haji Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya dan YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan, hari ini telah menyaksikan sesi penyerahan Projek Siap, Pembinaan Pusat Pakar Pergigian Negeri Sembilan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) menerusi Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) selaku agensi pelaksana kepada kementerian pelanggan iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selaku pemilik projek. Penyerahan dilakukan oleh YBhg. Dato' Ir. Wan Hasnan bin Wan Musa, Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan kepada YBhg. Datin Paduka Roslinah binti Md Jani, Setiausaha Bahagian Kanan, Bahagian Pembangunan KKM.

3. Projek Pusat Pakar Pergigian Negeri Sembilan ini telah dibina di atas tapak seluas 2 ekar di Seremban, Negeri Sembilan dengan kos projek bernilai RM32juta. Projek yang dimulakan dengan pemilikan tapak pada 30 Mac 2021 telah siap sepenuhnya diikuti dengan pengeluaran Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) pada 15 April 2025 lalu.

4. Pusat Pakar Pergigian Negeri Sembilan merupakan Pusat Pakar Pergigian pertama di Malaysia yang dibina, disiapkan dan diserahkan kepada KKM. Pusat Pakar Pergigian Negeri Sembilan ini akan menjadi pusat rujukan utama di Zon Tengah untuk semua rawatan pergigian yang kompleks yang menggabungkan pendekatan penjagaan pakar pelbagai disiplin untuk seluruh Negeri Sembilan, Putrajaya dan Melaka.

5. Projek pembinaan ini telah dilaksanakan oleh kontraktor utama, Derrida (M) Sdn. Bhd. menggunakan kaedah Sistem Binaan Berindustri atau *Industrialised Building System* (IBS) dengan memperolehi penilaian skor IBS melebihi 70%. Skop projek ini merangkumi pembinaan bangunan pakar pergigian merangkumi 18 Kerusi Pergigian (8 Kerusi Pergigian Pakar dan 10 Kerusi Pegawai Pergigian) termasuk perkhidmatan berikut:

- 4 Klinik Pakar (Ortodontik, Periodontik, Pembedahan Restoratif, Kesihatan Pergigian Awam)
- Diagnostik dan Pengimejan
- Perkhidmatan Sokongan Perubatan
- Perkhidmatan Sokongan Bukan Perubatan



Edit with WPS Office

- Perkhidmatan Makmal Pergigian
- Latihan, Pendidikan dan Penyelidikan
- Pentadbiran
- Kemudahan Kakitangan
- Kemudahan Awam
- Bangunan Sokongan
- Tempat Letak Kereta

6. KKR ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada KKM atas kepercayaan serta kerjasama dalam semua aspek pembinaan, khususnya dalam penyeliaan di tapak sehingga projek ini dapat disiapkan dengan jayanya. Segala pengalaman dan pengajaran (*experience and lesson learned*) amat berguna untuk dijadikan panduan dalam pelaksanaan projek - projek sebegini pada masa hadapan ke arah pengurusan projek lebih baik dari konteks kualiti, kos dan masa.

7. KKR turut menyeru kepada pihak kontraktor untuk terus melaksanakan tanggungjawab dalam tempoh tanggungan kecacatan (DLP) di mana KKR menerusi JKR akan terus memantau proses-proses pasca penyerahan bangunan supaya semua aduan kerosakan dilunaskan dengan segera mengikut peraturan yang berkuatkuasa.

8. KKR melalui JKR Malaysia terus komited menyokong pembangunan negara melalui penyediaan ekosistem dan infrastruktur kesihatan yang berkualiti, mampan dan berdaya tahan. Ia selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI yang menekankan kesejahteraan rakyat, akses kesihatan yang inklusif serta pembangunan kemudahan awam yang menyeluruh. Usaha ini diharap dapat memperkasa sistem kesihatan negara serta membentuk masyarakat MADANI yang sihat, sejahtera dan berdaya saing.

#TAMAT#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
7 OGOS 2025

#KearahKesejahteraanRakyat
 #JasaKepadaRakyat
 #MYJALAN
 #Jalankitatanggunjawabkita
 #KerajaanMADANI
 #MADANIbekerja



Edit with WPS Office